

Diskusi ICT



Bersama FIRKHAN
sembangict@yahoo.com

Layari internet guna VPN

APAKAH yang dikatakan melayari internet menggunakan perkhidmatan VPN?

-MAMAT, Pasir Panjang.

VPN adalah singkatan bagi *Virtual Private Network*. Internet merupakan satu rangkaian awam, iaitu sesiapa sahaja boleh menggunakan dengan pelbagai tujuan tertentu.

Segala capaian yang dilakukan kepada rangkaian internet bersifat terbuka kepada sesiapa sahaja.

Berbanding dengan rangkaian peribadi yang menggunakan pelbagai teknologi rangkaian WAN (*Wide Area Network*) seperti rangkaian Frame Relay, Leased Line dan sebagainya.

Jadi, teknologi VPN digunakan untuk menjadikan rangkaian internet yang bersifat terbuka dan umum kepada satu rangkaian bersifat peribadi atau tertutup.

Penggunaan teknologi VPN untuk mencapai rangkaian internet ini boleh menggantikan penggunaan pelbagai jenis teknologi rangkaian peribadi WAN yang sangat tinggi kos penggunaannya.

Terdapat pelbagai protokol yang digunakan untuk sambungan ini seperti PPTP (*Point-to-Point Tunneling Protocol*), L2TP (*Layer 2 Tunneling Protocol*), SSL VPN (*Secure Socket Layer VPN*) dan lain-lain.

Bagi penggunaan teknologi internet ini ada dua cara seperti yang berikut.

1 Pemasangan dan konfigurasi teknologi VPN ini dalam rangkaian organisasi dengan menggunakan aplikasi-aplikasi VPN seperti OpenVPN, Vyatta, Core 6.1, NeoRouter, Tinc dan lain-lain.

Aplikasi VPN ini ada yang bersifat sumber terbuka dan ia percuma digunakan dan ada juga yang bersifat komersial yang perlu dibeli dan berlesen.

Terdapat juga sistem pengoperasian pelayan yang menyediakan perkhidmatan aplikasi VPN ini seperti Microsoft Windows Server dan lain-lain.

2 Pemasangan dan konfigurasi teknologi VPN yang berasaskan perkakasan seperti produk Juniper Networks SA700 SSL VPN Appliance, SonicWall Secure Remote Access Series, Vyatta 514 dan lain-lain.

3 Melanggan perkhidmatan aplikasi VPN yang disediakan oleh pihak ketiga dengan membayar sejumlah yuran untuk jangka masa tertentu seperti BananaVPN, StrongVPN, LogMeIn Hamachi dan lain-lain.